

No. Rujukan : UNIMAS/PEND/01-104 (25)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 8 TAHUN 2015**

Pejabat Pendaftar
Tarikh : 25 November 2015

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Penolong Naib Canselor (Keterlibatan Industri dan Komuniti)
Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/PEND/01-104 (25)

25 NOVEMBER 2015

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 8 TAHUN 2015

**PERINGATAN TENTANG LARANGAN MEROKOK DAN
PENGHARAMAN PENGGUNAAN ROKOK ELEKTRONIK ATAU VAPE DI
DALAM KAWASAN KAMPUS UNIMAS**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi makluman kepada seluruh warga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengenai peringatan tentang larangan merokok dan pengharaman penggunaan rokok elektronik atau *vape* di dalam kampus UNIMAS.

Selaras dengan peruntukan di bawah **Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004** telah memperuntukkan bahawa tempat dilarang merokok termasuklah di mana-mana kawasan di dalam Institusi Pendidikan atau Institusi Pendidikan Tinggi seperti yang termaktub pada Bahagian IV, Perkara 11 (1) (j) akta berkenaan.

Larangan tersebut juga telah dinyatakan dalam **Pekeliling Kesihatan Awam Bilangan 1 Tahun 1997, Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 Dan Pindaan-Pindaannya**. Oleh demikian, kesemua Institusi Pendidikan atau Institusi Pendidikan Tinggi telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor Bil. 02/2015 pada 19 November 2015 telah memutuskan bahawa **penggunaan rokok elektronik atau *vape* adalah diharamkan di semua kampus Universiti Awam**. Keputusan ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan kawasan universiti sebagai zon hijau.

Dengan ini maka perbuatan merokok dan segala bentuk penggunaan rokok elektronik atau *vape* adalah dilarang sama sekali di dalam kawasan kampus UNIMAS.

Sekiranya terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan ke atas larangan ini, Pentadbiran UNIMAS akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana staf, pelajar dan sesiapa sahaja yang didapati melakukan pelanggaran terhadap perkara ini di kawasan kampus UNIMAS.

Pemakaian peraturan ini adalah berkuat kuasa dengan serta merta.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“MEMPERKASA KEUNIKAN JENAMA UNIMAS”

Yang benar

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'A. Bakar bin Ibrahim', with a horizontal line underneath the signature.

Haji Abu Bakar bin Ibrahim
Pendaftar